

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 JANUARI 2017 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Mangsa banjir di Kelantan meningkat kepada 2,853	Utusan Online



Mangsa banjir di Kelantan meningkat kepada 2,853

KOTA BHARU 21 Jan. - Jumlah mangsa banjir di negeri ini meningkat kepada 2,853 mangsa dari 677 keluarga setakat pagi ini dengan Kota Bharu terus mencatat jumlah tertinggi iaitu 1,102 orang.

Peningkatan mendadak itu turut melibatkan Pasir Mas dengan 697 mangsa membabitkan 188 keluarga yang ditempatkan di 13 pusat pemindahan yang dibuka.

Selain itu, mangsa di Pasir Puteh kini mencecah seramai 401 orang daripada 111 keluarga, Bachok (317), Tumpat (137), Tanah Merah (98) dan Machang, 101 mangsa.

Sementara itu, 10 laluan ditutup iaitu lima laluan di Machang, tiga di Pasir Mas dan masing-masing satu di Bachok dan Kota Bharu.

Dalam pada itu, menurut **laman web Jabatan Meteorologi**, hujan sederhana kadang kala lebat dijangka berterusan di Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh dan Machang hari ini.

Manakala, hujan sederhana lebat pula diramalkan berlaku di Tanah Merah, Jeli, Kuala Krai sehingga hari ini. – UTUSAN ONLINE